

31/03/1999

Fitnah: Panel kaji tindakan sivil

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah dan Panel Peguam Majlis Tertinggi (MT) Umno menyerahkan kepada polis untuk menyiasat aduan berhubung fitnah yang dilemparkan terhadap pemimpin parti itu.

Pengerusinya, Datuk Ibrahim Ali, berkata pihaknya juga menyerahkan kepada Peguam Negara sama ada untuk membawa kes itu ke mahkamah.

Beliau berkata, panel peguam MT pula sedang meneliti sama ada perlu atau tidak tindakan sivil diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab itu.

"Sekarang terpulang kepada polis. Jawatankuasa ini tidak mahu mengganggu tugas polis. Kita sudah buat bahagian kita dan panel peguam kita juga sedang mengkaji kes itu sama ada perlu atau tidak kita ambil tindakan sivil," katanya ketika mengulas perkembangan kes fitnah yang dikendalikan jawatankuasa itu.

Ibrahim yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata demikian pada sidang akhbar selepas membuat lawatan di Biro Bantuan Guaman di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Ibrahim membuat dua laporan polis berhubung tohmahan dan fitnah terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terkandung dalam pita rakaman dan sebuah majalah terbitan parti pembangkang.

Antara isi kandungan pita rakaman itu ialah arahan membunuh Perdana Menteri, di samping pelbagai tohmahan dan fitnah terhadap pemimpin Umno termasuk Ibrahim sendiri.

Artikel yang terkandung dalam majalah itu pula mengandungi tohmahan kononnya Perdana Menteri pada perhimpunan agung Umno 1997 antara lain menyatakan wanita bertudung adalah jahat dan ulama bukan pewaris nabi.

Ibrahim berkata, selain kes yang sudah dilaporkan itu, jawatankuasa berkenaan sedang meneliti dua atau tiga kes lagi membabitkan fitnah terhadap pemimpin Umno.

Katanya, jawatankuasa itu perlu memastikan kes itu benar-benar kukuh sebelum bertindak bagi mengelak polis membuang masa dan membazirkan wang rakyat.

Menurut beliau, jawatankuasa itu bukan hanya meneliti fitnah yang dilemparkan parti pembangkang dan kumpulan reformasi, malah semua pihak termasuk kemungkinan daripada ahli Umno sendiri.

"Kami tidak akan bertolak ansur lagi. Kami akan bertindak terhadap sesiapa saja termasuk ahli Umno jika mereka membuat dakwaan palsu atau fitnah yang boleh menjejaskan keselamatan negara atau nama baik pemimpin," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, ini tidak bermakna rakyat tiada lagi kebebasan untuk bersuara.

Mengenai laporan polis yang dibuat Pergerakan Pemuda Umno Wilayah Persekutuan dan Selangor Sabtu lalu terhadap akhbar Harakah dan bekas setiausaha politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata, dua kes yang dilaporkan itu juga diteliti oleh jawatankuasanya.

(END)